

Berita Harian Online

Komuniti ASEAN dirangka beri manfaat belia

Selasa, 9 Februari 2016 @ 6:52 AM

MALAYSIA sudah melakar sejarah apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengetuai kalangan 10 pemimpin ASEAN memeterai Deklarasi Kuala Lumpur 2015 bagi penubuhan Komuniti ASEAN pada 22 November 2015.

Dengan termeterainya deklarasi itu, maka penubuhan satu blok komuniti baharu di Asia Tenggara akan diwujudkan kelak, sekali gus menjadikan rantau ini sebagai satu suara berpengaruh di pentas antarabangsa.

Penubuhan Komuniti ASEAN yang memberi fokus kepada tiga inisiatif atau tunggak utama merangkumi pembentukan Komuniti Ekonomi, Komuniti Politik dan Keselamatan serta Komuniti Sosiobudaya, mempunyai wawasan jangka panjang anggota ASEAN untuk mengerat dan memperkukuhkan kerjasama ekonomi, membina keyakinan serantau dan membentuk identiti masyarakat Asia Tenggara serta dapat membina rantau yang aman dan selamat. Kajian Komuniti ASEAN.

Kajian Komuniti ASEAN

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, belia (15-40 tahun) di Malaysia bagi 2014 sudah mencecah 45.9 peratus iaitu 30.3 juta orang. Bersesuaian dengan peranan Malaysia yang mempengerusikan ASEAN 2015, generasi belia dikenal pasti sebagai kelompok penting menjayakan hala tuju komuniti ASEAN dalam konteks Malaysia.

Pemerhati serantau berpendapat, Komuniti ASEAN ini ada cabaran besar kerana wujudnya perbezaan budaya, kadar dan taraf pembangunan ekonomi yang terlalu tinggi seperti antara Singapura dan Laos serta sistem politik yang pelbagai. Tidak seperti proses pembentukan komuniti serantau lain seperti Kesatuan Eropah (EU), pembabitan masyarakat dalam pembentukan Komuniti ASEAN adalah minimum. Dasar dan proses pembentukan Komuniti ASEAN bersifat 'top-down'.

Sejauh manakah generasi muda dan belia memahami pembentukan Komuniti ASEAN ini dari sudut impak dan kesempatan? Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui agensinya Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) berjaya melaksanakan satu kajian secara empirikal bagi mendapatkan maklum balas belia terhadap pelaksanaan Komuniti ASEAN.

Seramai 5,032 responden di seluruh Malaysia terbabit dalam kajian ini meliputi belia bandar dan juga luar bandar. Hasil kajian ini mendapati tahap kesedaran belia Malaysia terhadap Komuniti ASEAN masih pada tahap sederhana. Seramai 59.8 peratus menyatakan pernah mendengar

mengenai Komuniti ASEAN, tetapi kurang maklum berhubung pelaksanaan tiga tunggak komuniti ASEAN, iaitu Komuniti Keselamatan, Komuniti Ekonomi dan Komuniti Sosio-Budaya. Walaupun kesedaran dan pengetahuan terhadap pelaksanaan ini minimum, majoriti responden mempamerkan sikap positif terhadap konsep dan pelaksanaan komuniti ASEAN. Hasil analisis menunjukkan kurangnya promosi serta hebahan mengenai ASEAN menjadi faktor penghalang ke atas kesedaran belia Malaysia terhadap kedudukannya dalam ASEAN.

Impak kepada belia dan masyarakat

Menerusi Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur baru-baru ini, komitmen Malaysia untuk merealisasikan Komuniti ASEAN ditekankan oleh Perdana Menteri. Komuniti ASEAN adalah inti pati yang sangat penting, acuan komuniti ASEAN yang ingin digarap oleh Malaysia adalah dengan mewujudkan komuniti ASEAN bersifat 'political cohesive' (padu dari segi politik) dan bersepadu (integrated), manakala daripada segi ekonomi yang lebih kukuh serta mantap dari segi pembangunan sosial dan kebudayaan.

Ia membabitkan kaedah untuk menyediakan dan memperkukuhkan proses penyepaduan bagi merealisasikan Komuniti ASEAN berasaskan peraturan dan berorientasikan rakyat serta ASEAN berpaksikan rakyat bagi mengatasi jurang pembangunan. Komuniti ASEAN akan memberi nilai tambah dan manfaat kepada Malaysia. Berdasarkan aspek sosial dan budaya, komuniti ASEAN akan mengembangkan lagi budaya Malaysia menjadi sebahagian dari budaya serantau. Tambahan lagi, dengan pengenalan saluran Baru televisyen ASEAN yang dikenali dengan ASEAN-Go, serta mobiliti pelancongan serantau, Malaysia akan menarik lebih banyak pergerakan rakyat ASEAN ke negara ini.

Dari aspek ekonomi, pengurangan dan penghapusan cukai atau tarif barangan oleh negara anggota memberikan Malaysia pasaran yang lebih besar untuk produknya. Pada 18-2 November 2015, Kementerian Belia dan Sukan berjaya menganjurkan 'ASEAN Young Leaders Summit 2015' (AYLS 2015) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Menerusi AYLS'15 menghasilkan 'Youth Manifesto for ASEAN' yang mengandungi dua manifesto bagi setiap skop yang melengkapkan kepada penghasilan lapan manifesto yang disarankan untuk dilaksanakan bagi memastikan Gagasan Komuniti ASEAN menyentuh dan dapat dirasakan oleh generasi belia pada peringkat negara ASEAN.

